

25 AUG 2001

Syed Hamid-Arafat

MALAYSIA MAHU KUASA BESAR BANTU HENTIKAN KEZALIMAN ISRAEL TERHADAP PALESTIN

KOTA TINGGI, 25 Ogos (Bernama) -- Malaysia mahu negara-negara kuasa besar berusaha secara bersungguh-sungguh menghentikan kezaliman Israel terhadap rakyat Palestin.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia kesal kerana sehingga kini kuasa-kuasa besar masih mengamalkan sikap bermuka-muka dalam mencari perdamaian yang muktamad bagi kepentingan rakyat Palestin, yang saban hari dibunuh oleh tentera Tel Aviv.

"Negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Britain dan negara-negara Eropah lain sepatutnya sudah mengambil daya usaha bersungguh-sungguh, kalau tidak, kezaliman terhadap rakyat Palestin akan berterusan," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai lawatan Presiden Palestin Yasser Arafat ke Malaysia untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur petang ini.

Syed Hamid berkata jika keganasan dan kezaliman sedemikian rupa berlaku terhadap negara lain, pastinya kuasa-kuasa besar telah mengambil tindakan tegas bagi menghentikannya.

"Rejim Tel Aviv tidak mempunyai sebarang justifikasi untuk mencero boh ke kawasan negara Palestin dan bertindak sesuka hati mereka di situ," katanya.

Syed Hamid berkata Arafat dijangka memberi penerangan kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru di bumi Palestin selain mendapatkan sokongan berterusan Malaysia terhadap perjuangan

"Malaysia sentiasa menyokong kuat perjuangan rakyat Palestin dan mahu supaya kezaliman terhadap mereka dihentikan segera," katanya.

-- BERNAMA

MNY MAI